



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA **MENTERI SUMBER MANUSIA**

PENGUKUHAN RINGGIT, TENAGA KERJA BERKUALITI

Pengukuhan nilai mata wang ringgit bukan sekadar mencerminkan pergerakan pasaran kewangan atau sentimen jangka pendek ekonomi global. Sebaliknya, ia merupakan gambaran menyeluruh terhadap tahap keyakinan pelabur, kestabilan dasar negara, kekuatan institusi serta keupayaan modal insan Malaysia.

Sejarah dan realiti ekonomi membuktikan bahawa sesebuah negara hanya mampu mengekalkan kekuatan mata wang apabila produktiviti buruh meningkat, kemahiran tenaga kerja dipertingkat, dan tadbir urus negara dilaksanakan secara telus serta berintegriti. Justeru, pembangunan tenaga kerja berkualiti menjadi antara teras utama dalam usaha memperkukuh asas ekonomi negara.

Dalam konteks ini, Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) memainkan peranan strategik sebagai pemangkin kepada pembangunan modal insan negara. KESUMA memberi penekanan kepada latihan kemahiran berimpak tinggi, peningkatan kebolehpasaran graduan TVET, pemerkasaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), penguasaan kemahiran digital serta adaptasi teknologi baharu selari dengan keperluan industri masa hadapan.

Pendekatan ini bukan sahaja bertujuan meningkatkan produktiviti dan pendapatan rakyat, malah memperkukuh daya saing Malaysia sebagai destinasi pelaburan berkualiti di peringkat antarabangsa.

Di bawah kepimpinan YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Kerajaan MADANI telah **mengangkat agenda reformasi ekonomi** yang berpaksikan ketelusan, integriti, pelaburan berkualiti serta pembangunan insan. Agenda ini menjadi asas penting dalam **membina semula keyakinan terhadap ekonomi negara** dan seterusnya menyumbang kepada pengukuhan kedudukan ringgit.

Kerajaan MADANI tidak mahu sebuah ekonomi yang hanya kukuh dari sudut angka dan statistik semata-mata, tetapi sebuah ekonomi yang benar-benar memberi manfaat secara langsung kepada rakyat melalui gaji yang lebih baik, peluang pekerjaan berkualiti, perlindungan sosial yang menyeluruh serta jaminan masa depan yang lebih terjamin khususnya untuk generasi muda.

KESUMA akan terus komited memainkan peranan penting dalam melahirkan tenaga kerja yang bukan sahaja mahir dan berdaya saing, malah beretika, berdisiplin dan bersedia menghadapi cabaran ekonomi global yang semakin kompleks. Hakikatnya, pengukuhan ringgit bukan sekadar soal kadar pertukaran mata wang, tetapi soal membina sebuah negara yang stabil, rakyat yang berdaya saing dan ekonomi yang mampan.

Dengan semangat Malaysia MADANI, kepimpinan yang berprinsip serta kerjasama padu seluruh rakyat tanpa mengira kaum dan latar belakang, saya yakin Malaysia mampu melangkah lebih jauh sebagai sebuah negara yang makmur, inklusif dan berdaya tahan.

-TAMAT -

YB DATO' SRI RAMANAN RAMAKRISHNAN

MENTERI SUMBER MANUSIA

28 JANUARI 2026